KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

PELAN STRATEGIK KKDW 2026-2030 MEMACU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melancarkan **Pelan Strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Tahun 2026-2030** yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah semasa permulaan sesi **Permukiman KKDW dan Permukiman Syarikat Milikan Agensi KKDW Tahun 2026**.

Pelan Strategik KKDW 2026-2030 ini menetapkan **hala tuju pembangunan luar bandar bagi tempoh lima tahun**, seiring dengan matlamat **Malaysia MADANI**, **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**, **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**, **Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)** dan **Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)**.

Pelan ini memberi penekanan kepada **lima kluster utama** iaitu **ekonomi desa, modal insan, jaringan prasarana, usahawan desa dan sistem penyampaian perkhidmatan**. Sebanyak **20 strategi dan 49 inisiatif** dirangka bagi memacu pembangunan luar bandar secara bersepadu dan mampan, dengan sasaran manfaat kepada **8.17 juta penduduk desa** iaitu **24 peratus** daripada jumlah penduduk Malaysia.

Pelan Strategik KKDW 2026–2030 adalah **dokumen panduan bagi pelaksanaan** program dan projek kementerian, dengan penekanan kepada **kecekapan penyampaian**, **akauntabiliti penggunaan sumber awam** dan **impak langsung kepada masyarakat desa**.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

Keupayaan KKDW untuk melaksanakan anjakan strategik ini disokong oleh **pencapaian hasil yang telah direkodkan** sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Pencapaian tersebut menandakan **peralihan daripada fasa perancangan kepada fasa pencapaian hasil**, antaranya:

- Kemiskinan tegar menurun daripada 0.2% (2022) kepada 0.09% (2024).
- Kadar kemiskinan luar bandar menurun kepada 9.9% (2024) daripada 12.9% (2022).
- Migrasi luar bandar ke bandar merosot kepada 0.5% pada tahun 2024 berbanding 2.4 peratus pada tahun 2022.
- Kebolehpasaran graduan TVET KKDW melebihi 98.7%.

Pencapaian ini membuktikan bahawa **pendekatan berasaskan *outcome* dan pelaksanaan secara *bottom-up***, disokong oleh kerjasama merentas agensi, mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian dasar bukan sahaja dalam KKDW dan agensinya, malah bersama rakan strategik seperti **FELDA, MTVET, APM, NADMA, National Cyber Security Agency (NACSA), Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri dan MyDigital ID**.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
8 Februari 2026

MALAYSIA MADANI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my